

Bengkel Webinar: Sesi Perkongsian Pensyarah Sains Komputer

Norhafizah Hashim, Normaziah Abdul Rahman, Nor Azlina Aziz Fadzillah, Rozianiwati Yusof & Sri Yusmawati Mohd Yunus.

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

Bertepatan dengan keperluan pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk membabitkan diri di dalam penyelidikan dan penulisan, satu perkongsian berbentuk sesi webinar di antara para pensyarah Jabatan Sains Komputer, FSKM Kampus Seremban telah diadakan pada 23 Mac 2022. Ia merupakan program tahunan bagi tujuan perkongsian ilmu dalam kalangan pensyarah Jabatan Sains Komputer sejak dari tahun 2021. Keberkesanan webinar yang lepas telah dapat dilihat melalui penghasilan penulisan, penerbitan, dan inovasi yang semakin meningkat serta kejayaan yang telah diraih oleh para pensyarah jabatan ini di dalam beberapa pertandingan yang disertai.


Justeru, webinar pada tahun 2022 ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan juga idea kepada para pensyarah di Fakulti Sains Komputer bagi menghasilkan penulisan, penyelidikan, inovasi dan penerbitan yang lebih berkualiti. Sesi perkongsian yang diadakan sepenuhnya secara atas talian ini telah berlangsung selama empat jam dan melibatkan enam orang pensyarah yang berkongsi pengalaman, pengetahuan, kemahiran serta kepakaran masing-masing. Rajah 1 menunjukkan gambar peserta yang mengikuti program ini.




Rajah 1 Gambar para peserta

Perkongsian daripada pensyarah pada hari tersebut lebih kepada perkongsian mengenai hasil penyelidikan, hasil inovasi serta kemahiran dalam menggunakan sesuatu perisian. Pembentang pertama, Dr Siti Salwa Hj Salleh telah membincangkan mengenai hasil inovasi beliau iaitu dua produk yang mengaplikasikan *Concept Map* di dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Biologi dan Sejarah. Manakala, pembentang kedua iaitu Dr Mohamed Faizd Mohamed Said telah berkongsi maklumat mengenai kajian kes bagi Industri 4.0 daripada perspektif akademik. Pembentangan diteruskan oleh Puan Juliana Hamka Kamaroddin di mana beliau telah berkongsi tentang tatacara penggunaan perisian Overleaf LaTeX iaitu satu aplikasi penyuntingan dokumen berasaskan awan (cloud based) yang turut menyokong kolaborasi dalam talian. Cik Nor Azlina Aziz Fadzillah sebagai pembentang keempat pula telah memperkenalkan projek inovasi kumpulan beliau iaitu pembelajaran pengaturcaraan C++ menerusi *Snake and Ladder Educational Game*. Seterusnya, pembentang kelima, Encik Shamsudin Md Sarif pula menjelaskan mengenai penggunaan perisian *RapidMiner* sebagai alat untuk menganalisis teks manakala pembentang terakhir, iaitu Puan Wan Aryati Wan Ghani telah berkongsi hasil kajian beliau berkaitan penggunaan Padlet sebagai platform pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Pengurusan Sistem Maklumat (MIS). Kajian beliau lebih memfokuskan pengukuran dari segi kualiti dan kebolegunaan yang mana telah menunjukkan impak positif kepada semua pelajar yang terlibat.

Satu borang maklumbalas telah diedarkan secara dalam talian kepada para peserta bagi melihat keberkesanan webinar yang diadakan. Rajah 2 dan 3 menunjukkan sebahagian maklumbalas terhadap pembentangan daripada para pembentang. Hasil daripada maklum balas ini menunjukkan bahawa perkongsian daripada para pembentang adalah Cemerlang dan Amat Baik. Ini membuktikan bahawa webinar ini telah memberi impak positif kepada para peserta dalam menghasilkan penyelidikan, inovasi dan penulisan yang seterusnya.




Rajah 2 Maklumbalas terhadap isi kandungan pembentangan



Rajah 3 Maklumbalas terhadap para pembentang

Rajah 4 menunjukkan hasil bahawa para peserta bersetuju platform secara dalam talian ini adalah sesuai dalam menjayakan webinar ini. Tambahan pula, objektif webinar turut tercapai.



Rajah 4 Penganjuran bengkel webinar

Berikutan penganjuran webinar ini yang telah menampakkan hasil yang positif, maka program ini akan diteruskan sebagai program tahunan bagi jabatan Sains Komputer. Ia bukan sahaja mencetus idea malah memberi inspirasi, semangat dan sokongan kepada semua yang terlibat dalam program ini.